

Kapal pengangkut LNG terbaru MISC dinamakan Puteri Intan Satu

UM 23 MAY 2005

NAGASAKI 22 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini secara rasmi menamakan kapal pengangkut gas cecair asli (LNG) terbaru milik Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) sebagai Puteri Intan Satu pada majlis yang diadakan di Limbungan Kapal Koyagi milik Perbadanan Industri Berat Mitsubishi di sini.

Puteri Intan Satu merupakan kapal pertama dalam siri Puteri Satu yang ditempah oleh MISC sebagai sebahagian daripada rancangan pembesaran syarikat perkapalan Malaysia itu untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai pemilik dan pengendali terbesar kapal pengangkut LNG di dunia.

Kapal ini juga merupakan yang ke-14 dalam rangkaian kapal pengangkut LNG milik MISC dan merupakan yang pertama dikendalikan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia.

Turut hadir pada majlis

perasmian ialah Pengerusi MISC, Tan Sri Mohd. Hassan Marican; Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif MISC, Datuk Mohd. Ali Yassin serta Pengerusi Perbadanan Industri Berat Mitsubishi (MHI), Nobuyuki Masuda.

Dalam ucapannya, Mohd. Hassan berkata, Puteri Intan Satu yang mempunyai kapasiti 137,100 meter padu akan menjalani ujian sebelum penyerahan pada Ogos tahun ini.

Menurutnya, lima buah lagi kapal pengangkut LNG yang ditempah akan diserahkan kepada MISC secara berperingkat-peringkat sehingga Mac 2005.

Kata beliau, tiga daripada kapal pengangkut itu dibina oleh Perbadanan Industri Berat Mitsubishi sementara tiga lagi dibina oleh Syarikat Pembinaan Kapal dan Kejuruteraan Mitsui di Chiba.

Beliau menambah, ini-

lah kali pertama MISC memberikan kontrak membina kapal pengangkut LNG kepada syarikat pembinaan kapal Jepun.

Menurut Mohd Hassan, dengan bermulanya perkhidmatan Puteri Intan Satu akan membolehkan MISC, anak syarikat Petronas, meluaskan kemampuannya menyediakan kapal pengangkut LNG yang selamat dan dipercayai untuk para pelanggannya.

Kapal sepanjang 276 meter dengan keluasan 43.3 meter ini dilengkapi dengan sistem kawalan terkini bagi mengawal dan memantau operasi kargo dan mesin.

Ia juga direkabentuk untuk membolehkannya beroperasi di semua pangkalan LNG utama di dunia selaras dengan rancangan agresif MISC meluaskan khidmat pengangkutan LNG di seluruh dunia.

Mohd. Hassan memberitahu, sehingga hari ini MISC telah mengangkut 2,890 kargo mengandungi

153 juta tan LNG. Katanya, dengan penyerahan semua kapal dalam siri Puteri Satu pada 2005, kemampuan pengangkutan LNG oleh MISC akan meningkat sebanyak 60 peratus kepada 2.18 juta meter padu.

Beliau menambah semasa pembinaan Puteri Intan Satu, kakitangan profesional di bidang teknikal Malaysia diletakkan di limbungan kapal untuk memastikan mutu kawalan dan keselamatan dipatuhi sejak daripada peringkat mereka bentuk sehingga peringkat pembinaan keseluruhan.

Katanya, penempatan rakyat Malaysia di kawasan pembinaan ini juga memudahkan lagi pemindahan teknologi secara lebih berkesan kepada rakyat Malaysia.

Menurut beliau, pengalaman yang diperoleh oleh rakyat Malaysia ini amat berguna kepada MISC dan negara. — *Utusan*